



## POLISI PENGURUSAN HUTAN DAN ALAM SEKITAR

KTS Plantation Sdn Bhd adalah sebuah syarikat swasta dianugerahkan dengan Perjanjian Lesen oleh Kerajaan Negeri Sabah untuk menguruskan Hutan Simpan Segaliud Lokan, yang terletak di daerah Sandakan, Sabah. Kami berdedikasi untuk melaksanakan amalan-amalan pengurusan bersepadu alam sekitar dan sumber hutan berkekalan. Matlamat jangka masa panjang kami ialah mendapatkan pulangan optimum daripada penggunaan sumber kayu hutan hujan tropika secara berkekalan melalui operasi pembalakan terancang yang sejajar dengan kadar pertumbuhan semulajadi pokok-pokok di hutan.

Kami akan melakukan perkara-perkara berikut untuk mencapai komitmen kami:

- Mematuhi undang-undang, peraturan dan keperluan lain yang berkaitan dengan pengurusan hutan. Memenuhi dan mematuhi semua syarat-syarat yang terkandung dalam Lesen Perjanjian dan Perjanjian Syarat-syarat Alam Sekitar.
- Beroperasi mengikut Pelan Pengurusan Hutan yang telah diluluskan selaras dengan prinsip-prinsip pengurusan sumber hutan berkekalan.
- Menyediakan Pelan Penuaian Terperinci dan melaksanakan pembalakan mesra alam dalam operasi penuaian kayu balak sebagai langkah meminimakan impak negatif terhadap persekitaran hutan, melindungi pokok-pokok, menjaga sumber air serta habitat hidupan liar dan mengurangkan hakisan tanah.
- Melaksanakan amalan silvikultur hutan untuk mengoptimumkan pertumbuhan pokok-pokok semulajadi yang bernilai komersial. Menanam pokok-pokok dari pelbagai spesis di dalam hutan sebagai cara untuk menggalakkan pertumbuhan di kawasan-kawasan yang kurang kepadatan dirian pokok tuaian.
- Menjalankan pemantauan kerja-kerja hutan dan membuat penilaian berkala terhadap kawalan operasi dan teknologi hutan kami demi meningkatkan prestasi pengurusan hutan dan alam sekitar kami.
- Memberi keutamaan dari segi peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan dalam usaha untuk meningkatkan tahap kehidupan mereka. Menyediakan latihan-latihan yang telah dikenalpasti bagi meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan kecekapan para pekerja.
- Menetapkan, melaksanakan dan menilai objektif-objektif dan sasaran-sasaran alam sekitar untuk setiap tahun.
- Menyampaikan dan menjelaskan polisi ini kepada para pekerja di semua peringkat pekerjaan. Memastikan polisi ini boleh diperolehi oleh pihak-pihak berkepentingan serta orang-orang awam yang berminat.
- Melindungi nilai biologi, sosial dan fizikal Hutan Simpan Segaliud Lokan dan mengambil langkah-langkah penguatkuasaan yang berkesan dan program pemantauan tahunan untuk mengekalkan atau meningkatkan nilai-nilai tersebut.
- Mengelakkan penggunaan bahan kimia untuk mengawal serangga perosak dan rumpai. Pemilihan bahan kimia berdasarkan kajian terhadap pilihan yang tersedia dan penentuan samada pilihan tersebut boleh diterima. Pengurusan dan penggunaan semua bahan kimia adalah menurut keperluan undang-undang.

Kami komited untuk mematuhi piawaian-piawaian bebas iaitu Malaysian Criteria and Indicators (MC&I Hutan Asli) dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar MS ISO 14001 (2004) sebagai landasan piawai untuk pelaksanaan pengurusan hutan berkekalan dan prestasi alam sekitar kami.

DATO HENRY LAU LEE KONG  
Managing Director  
Mei 2018